



## KENYATAAN MEDIA

### PENGUMUMAN HAL EHWAL RENTAS SEMPADAN DAN *TRAVEL GREEN LIST*

*Bandar Seri Begawan, Rabu, 30 Mac 2022*

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai beberapa **pengemaskinian syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara melalui udara** dengan berdasarkan penilaian risiko semasa dan kajian yang terperinci.

2. **Syarat-syarat baru yang akan dilaksanakan mulai 1hb., April, 2022** ini, adalah seperti berikut:

- 2.1 Individu-individu yang membuat perjalanan masuk negara **melalui udara**, dibolehkan untuk menjalani kuarantin di rumah-rumah kediaman persendirian atau hotel-hotel penginapan. Alamat kediaman masing-masing perlu didaftarkan sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam melalui *Arrival E-Health Declaration Form* secara dalam talian. Deklarasi ini hendaklah dilengkapkan oleh setiap individu yang akan membuat perjalanan masuk ke negara ini dalam tempoh 24 jam sebelum berlepas, samada rakyat, penduduk tetap atau warganegara asing, dengan menghadapkan maklumat kesihatan mereka seperti status vaksinasi, keputusan ujian COVID-19 dan sejarah perjalanan. Walau bagaimanapun, setiap individu yang membuat perjalanan masuk negara masih diperlukan membuat pembayaran ujian-ujian COVID-19 yang akan dijalani semasa ketibaan;
- 2.2 *Travel Green List* yang telah diumumkan sebelum ini adalah diaktifkan semula dengan pengemaskinian serta memasukkan negara-negara berikut di dalam senarai tersebut: Australia, Kemboja, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Malaysia (udara sahaja), New Zealand, Republik Singapura, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi. Perjalanan kepada atau daripada negara-negara tersebut tidak



lagi dihadkan kepada *essential travel* sahaja dan kini akan dibukakan kepada *non-essential travel*.

- 2.3 Warganegara asing daripada negara-negara yang **tersenarai dalam *Travel Green List* tidak diperlukan** untuk memohon kebenaran *Entry Travel Pass (ETP)* bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, warganegara asing yang membuat perjalanan masuk daripada negara-negara *Travel Green List* dan berhasrat untuk bekerja atau melawat ke Negara Brunei Darussalam adalah masih diperlukan untuk memohon visa bekerja, visa tanggungan, visa lawatan (bagi mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk memerlukan visa kemasukan), atau visa lawatan profesional dan bisnes, terlebih dulu sebelum masuk ke negara ini, sebagaimana jua peraturan yang telah berkuatkuasa pada lazimnya. Di samping itu, mereka juga dikehendaki untuk menepati syarat-syarat kesihatan yang berkuatkuasa seperti mempunyai vaksinasi COVID-19 yang lengkap.
- 2.4 Individu-individu yang tiba daripada negara-negara *Travel Green List* adalah dikehendaki untuk mematuhi protokol kesihatan yang telah dikemaskini seperti berikut:
- i. Menjalani ujian swab RT-PCR tidak lebih dari dua (2) hari sebelum bertolak dari negara asal atau menjalani *certified ART* tidak lebih dari satu (1) hari sebelum bertolak dari negara asal;
  - ii. Menjalani ujian swab RT-PCR dan ART pada hari ketibaan di negara ini dan seterusnya menjalani ART sahaja pada hari kedua dan hari ketiga yang mana keputusan ujian hendaklah dilaporkan melalui aplikasi BruHealth. Kit ART dengan kod QR bagi tujuan ini akan dibekalkan semasa ketibaan di negara ini;
  - iii. Menjalani kuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini sehingga keputusan ujian swab RT-PCR semasa ketibaan disahkan negatif. Mereka boleh menjalani kuarantin di rumah kediaman masing-masing atau hotel penginapan;
  - iv. Mereka yang pernah dijangkiti COVID-19 dan mempunyai bukti jangkitan seperti Sijil Kesembuhan COVID-19 yang mana tarikhnya adalah tidak lebih dari 90 hari adalah dikecualikan dari



- syarat-syarat yang disebutkan dalam perenggan 2.4 (i) dan 2.4 (iii). Mereka juga adalah dikecualikan dari menjalani ujian swab RT-PCR semasa ketibaan dan hanya diperlukan menjalani ART pada hari ketibaan sahaja.
- 2.5 Mereka yang tiba ke negara ini dari negara-negara yang belum termasuk di dalam *Travel Green List* adalah diperlukan:
- i. Menjalani ujian swab RT-PCR tidak lebih dari dua (2) hari sebelum bertolak dari negara asal atau menjalani *certified ART* tidak lebih dari satu (1) hari sebelum bertolak dari negara asal;
  - ii. Menjalani ART pada hari ketibaan ke negara ini dan seterusnya menjalani kuarantin selama lima hari di rumah kediaman masing-masing atau hotel;
  - iii. Menjalani ujian swab RT-PCR pada hari kelima dan akan dibenarkan menamatkan kuarantin sebaik sahaja keputusan ujian swab RT-PCR disahkan negatif. Ujian swab RT-PCR boleh dilakukan di mana-mana klinik kesihatan yang diiktiraf yang mana senarai klinik kesihatan yang diiktiraf boleh diperolehi dari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri [www.jpm.gov.bn/travelportal](http://www.jpm.gov.bn/travelportal);
  - iv. Mereka yang pernah dijangkiti COVID-19 dan mempunyai bukti jangkitan seperti Sijil Kesembuhan COVID-19 yang mana tarikhnya adalah tidak lebih dari 90 hari adalah dikecualikan dari syarat-syarat yang disebutkan di dalam perenggan 2.5 (i) dan 2.5 (iii). Mereka juga adalah dikecualikan dari menjalani kuarantin selama lima (5) hari dan hanya diperlukan menjalani ART pada hari ketibaan sahaja.
- 2.6 Warganegara asing yang membuat perjalanan masuk untuk berada di negara ini secara sementara sahaja pada tempoh kurang daripada 90 hari adalah diperlukan untuk mendapatkan insurans perjalanan yang meliputi perlindungan rawatan COVID-19.
- 2.7 Perjalanan keluar negara bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu khususnya bagi perjalanan melalui udara sahaja,



samada ke negara di dalam *Travel Green List* mahupun negara yang tidak termasuk di dalam senarai tersebut, **tidak lagi dikehendaki untuk membuat permohonan kebenaran perjalanan keluar negara** atau '*Exit Travel*' daripada Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, perjalanan keluar negara hanya dibenarkan bagi rakyat dan penduduk yang telah mendapatkan dos ketiga vaksin COVID-19 atau telah melengkapkan dua (2) dos vaksinasi COVID-19 dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh perjalanan. Bukti status vaksinasi hendaklah ditunjukkan semasa berangkat meninggalkan negara ini. Pengecualian adalah diberikan bagi mereka yang mempunyai Sijil Kesembuhan COVID-19 dengan tempoh sah selama 90 hari dan kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dengan syarat mereka membuat perjalanan dengan seorang dewasa yang memenuhi syarat vaksinasi. Di samping itu, bagi mereka yang membuat perjalanan keluar negara dengan hasrat untuk berada di luar negara secara jangka pendek dengan tempoh kurang daripada 90 hari juga diperlukan untuk mendapatkan insurans perjalanan yang meliputi perlindungan rawatan COVID-19.

- 2.8 Bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, suacita juga dipohonkan untuk mendaftar dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri secara *online* sebelum membuat perjalanan keluar negeri melalui pautan [http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister\\_desc.aspx](http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx) bagi memudahkan untuk mendapatkan bantuan dalam keadaan kecemasan dan krisis.
  - 2.9 Perjalanan keluar dan masuk melalui pos-pos kawalan darat atau laut adalah masih mengikut syarat-syarat dan tatacara yang berkuatkuasa pada masa ini, iaitu memerlukan kebenaran '*Exit Travel*' bagi perjalanan keluar negara dan '*Entry Travel Pass*' bagi warganegara asing. Perbincangan dengan negara jiran sedang giat dijalankan bagi perjalanan keluar dan masuk melalui pos-pos kawalan darat dan laut.
3. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci mengenai garis panduan perjalanan keluar dan masuk negara boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perdana Menteri [www.jpm.gov.bn/travelportal](http://www.jpm.gov.bn/travelportal). Dalam mengambil kira perkembangan-perkembangan terkini yang disebutkan sebentar tadi, orang ramai adalah diperingatkan dan dinasihatkan untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard



(*Standard Operating Procedures – SOPs*) dan protokol kesihatan di mana saja berada seperti menjaga penjarakan fizikal, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, dan mengamalkan penggunaan ART sebagai ujian saringan.

Di kesempatan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak amnya dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam khasnya, diatas kerjasama mereka dalam terus mematuhi peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan sejak kawalan perjalanan keluar masuk negara dilaksanakan. Persepaduan dan kesepakatan orang ramai ini setentunya telah memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada kawalan impak COVID-19 di negara ini. Dalam pada itu, diharapkan dengan pengemaskinian syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara ini, akan membolehkan kita terus melangkah kehadapan untuk memulihkan keadaan kearah kehidupan seperti biasa, di samping masih sentiasa berhati-hati dan berwaspada dengan mematuhi sebarang garispanduan dan syarat-syarat kesihatan.

Marilah kita terus berdoa dan bertawakal kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* agar Negara Brunei Darussalam terus dirahmati, aman, selamat dan sejahtera. *Amin ya rabbal 'alamin.*

### **JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Negara Brunei Darussalam

27 Sya'ban 1443

30 Mac 2022



## MEDIA STATEMENT

### ANNOUNCEMENT ON CROSS-BORDER MATTERS AND TRAVEL GREEN LIST

*Bandar Seri Begawan, Wednesday, 30<sup>th</sup> March 2022*

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee hereby announces several **updates to guidelines on inbound and outbound travel via air** based on current risk assessments and detailed research.

2. **The new guidelines will be implemented starting 1<sup>st</sup> April 2022**, and are as follows:

- 2.1 Individuals entering the country **via air travel** are allowed to undergo quarantine at respective home residences or hotel accommodation. Addresses need to be registered prior to departing Brunei Darussalam through the online Arrival E-Health Declaration Form. This declaration must be completed by citizens, permanent residents or foreign nationals within 24 hours prior to departure, by submitting their health details including vaccination status, COVID-19 test result and history of travel. However, all inbound travellers are still required to make payment for COVID-19 tests that will be conducted upon arrival;
- 2.2 The Travel Green List which was announced previously is now reactivated with the updates and inclusion of several countries namely Australia, Cambodia, People's Republic of China, Japan, Republic of Korea, Malaysia (air travel only), New Zealand, Republic of Singapore, United Kingdom, United Arab Emirates and Saudi Arabia. Travels to and from the aforementioned countries are no longer limited to essential travel only and are now open to non-essential travel.
- 2.3 Foreign nationals travelling from countries **under the Travel Green List** are not required to obtain Entry Travel Pass approval for inbound travel to Brunei Darussalam. However, inbound travel of foreign nationals from Travel Green List countries who wish to work or visit Brunei Darussalam are still required to apply for employment visa,



dependent visa, visit visa (for foreigners who require entry visa), or professional and business visit visa prior to entering the country, as per existing regulations. In addition, they are also required to adhere to enforced health measures such as the completion of COVID-19 vaccinations.

**2.4** Travellers arriving from Travel Green List countries are required to adhere to health protocols which have been revised as follows:

- i. Undergo RT-PCR swab test not more than two (2) days before departing from country of origin or undergo a certified ART not more than one (1) day before departing country of origin;
- ii. Undergo RT-PCR swab test and ART on day of arrival in the country, and subsequently undergo ART only on the second and third day, whereby test results are to be reported through the BruHealth application. ART kits with QR code for this purpose will be provided upon arrival in the country.
- iii. Undergo quarantine upon arrival in the country until a negative RT-PCR swab test result is obtained. Travellers are allowed to undergo quarantine in their respective home residences or hotel accomodation;
- iv. Travellers who have previously been infected by COVID-19 and have proof of infection such as a Recovery Certificate, whereby the date is no longer than 90 days, are exempted from the measures listed in 2.4 (i) and 2.4 (iii). They are also exempted from undergoing RT-PCR swab test upon arrival and are only required to undergo ART on day of arrival.

**2.5** Travellers arriving from countries that are not yet included in the Travel Green List are required to:

- i. Undergo RT-PCR swab test not more than two (2) days before departing from country of origin or undergo a certified ART not more than one (1) day before departing country of origin;



- ii. Undergo ART test on day of arrival in the country and subsequently undergo quarantine for five (5) days in respective home residences or hotel accommodation;
  - iii. Undergo RT-PCR swab test on the fifth day and will be allowed to end quarantine as soon as negative RT-PCR swab test result is obtained. RT-PCR swab tests can be performed at any accredited clinic. The list of accredited clinics can be found on the Prime Minister's Office website at [www.jpm.gov.bn/travelportal](http://www.jpm.gov.bn/travelportal);
  - iv. Travellers who have previously been infected by COVID-19 and have proof of infection such as a Recovery Certificate, whereby the date is no longer than 90 days, are exempted from the measures listed in 2.5 (i) and 2.5 (iii). They are also exempted from undergoing quarantine for five (5) days and are only required to undergo ART on day of arrival.
- 2.6 Foreign nationals entering the country for a period of less than 90 days are required to obtain travel insurance with coverage of COVID-19 treatment.
- 2.7 Exit travel for citizens and residents of Brunei Darussalam, particularly for air travel only, to all countries whether included under the Travel Green List or otherwise, **are no longer required to obtain Exit Travel approval** from the Prime Minister's Office. However, exit travel is only permitted for citizens and residents who have completed three (3) doses of COVID-19 vaccinations or completed two (2) doses of COVID-19 vaccinations within three (3) months prior to departure. Proof of vaccination status must be shown when departing the country. Exemptions are given to those holding a COVID-19 Recovery Certificate with validity of 90 days, and children under the age of 18, provided that they are travelling with an adult who fulfills vaccination requirements. In addition, outbound travellers who will be exiting the country for a period of less than 90 days are also required to obtain travel insurance with coverage of COVID-19 treatment.



- 2.8 It is advised that all Bruneian nationals and permanent residents travelling out of Brunei Darussalam to register themselves at the Ministry of Foreign Affairs website at [http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister\\_desc.aspx](http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx), to allow ease of communications in the event that assistance is required.
- 2.9 Inbound and outbound travel through land or sea control posts are still required to adhere to current measures that are enforced, that is, Exit Travel approval for outbound travel and Entry Travel Pass for foreign nationals. Active discussions with neighbouring countries on inbound and outbound travel through land and sea control posts are currently in progress.

3. Further information and details of the guidelines on inbound and outbound travel can be found on the Prime Minister's Office website at [www.jpm.gov.bn/travelportal](http://www.jpm.gov.bn/travelportal). In light of these new developments as stated a moment ago, the public are reminded and advised to adhere to Standard Operating Procedures (SOPs) and health protocols wherever they may be such as social distancing, wearing face masks, maintaining personal hygiene and the regular use of ARTs for screening purposes.

To this end, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam, would like express its sincerest appreciation to all parties, particularly the citizens and residents of Brunei Darussalam, for their continuous cooperation in adhering to regulations that have been enforced since the implementation of travel restrictions. The unity and support that has been demonstrated by the public has certainly played a key role in curbing the impacts of COVID-19 in the country. On this note, it is hoped that the updated guidelines on inbound and outbound travel will enable us to continue to step forward and recover towards normalcy, whilst staying vigilant and cautious by complying to all health guidelines and measures.

Therefore, we must continue to pray, and have faith in Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* that Brunei Darussalam will continue to be blessed, peaceful, safe and prosperous. *Amin ya rabbal 'alamin.*



***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Brunei Darussalam

27<sup>th</sup> Sya'ban 1443

30<sup>th</sup> March 2022